

Tarikh : 27 Mac 2025

No. Rujukan : ET08820001

Kepada : Pihak Berkepentingan

Tuan/Puan,

UNDANGAN UNTUK MEMBERI KOMEN TERHADAP AUDIT PEMANTAUAN MSPO KE ATAS TRADEWINDS PLANTATION MANAGEMENT SDN BHD - BUSINESS UNIT KEDAH

Tradewinds Plantation Management Sdn Bhd - Business Unit Kedah telah melantik SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk menjalankan audit pensijilan terhadap "*Malaysian Sustainable Palm Oil*" (MSPO), MS 2530:2022 di unit pengurusanannya.

MSPO MS 2530:2022 adalah standard kebangsaan yang membolehkan peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit untuk meningkatkan aspek kelestarian dalam pengeluaran minyak sawit. Dengan pensijilan MSPO ini, peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit dapat membuat kenyataan umum mengenai produk mereka yang dikeluarkan secara lestari.

Berikut adalah merupakan aspek-aspek kelestarian yang dibincangkan dalam Standard MS 2530:2022 Malaysia:

- Komitmen dan tanggungjawab pihak pengurusan
- Ketulusan
- Pematuhan kepada undang-undang
- Tanggungjawab sosial, kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Pemeliharaan alam sekitar, sumber asli, kepelbagaian bio dan ekosistem
- Amalan pertanian terbaik
- Pembangunan untuk penanaman pokok sawit baru

Lanjutan daripada ini, adalah dimaklumkan audit MSPO akan dijalankan seperti berikut:

1. Nama unit pengurusan	: Tradewinds Plantation Management Sdn Bhd - Business Unit Kedah
2. Tarikh mula audit	: 14 April 2025
3. Tarikh akhir audit	: 18 April 2025
4. Lokasi audit	: Rujuk Lampiran A
5. Jumlah kawasan ladang kelapa sawit yang akan diaudit	: 5,435.12 Ha
6. Standard yang digunakan	: MSPO MS 2530-3-2:2022
7. Ahli pasukan audit dan bidang kepakaran	: 1) Ahzahar Amir

Berhubung dengan perkara di atas, kami ingin menjemput pihak tuan untuk memberikan maklumbalas kepada kami (sekiranya ada) mengenai isu-isu di atas dengan mengembalikan borang jawapan yang dilampirkan **sebelum 14 April 2025**. Jika perlu, pasukan audit akan mengaturkan mesyuarat atau perbincangan melalui telefon semasa atau sebelum audit di lokasi bagi mendapatkan maklumat lanjut. Kami memberi jaminan bahawa sumber maklumat yang diterima akan dianggap sebagai sulit dan sebarang pendedahan terhadap sumber yang diterima adalah dengan persetujuan dari pihak tuan.

Jika pihak tuan mempunyai sebarang aduan mengenai audit atau rayuan atau pertikaian terhadap keputusan pasukan audit kami, pihak kami mempunyai proses dan prosedur aduan yang boleh didapati di laman web kami <http://www.sirim-qas.com.my>.

Sekian terima kasih.

Yang benar,


Kamini A/P Sooriamoorthy
Ketua
Seksyen Makanan, Pertanian & Perhutanan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.



BUTIRAN PENSIJILAN KUMPULAN TRADEWINDS PLANTATION MANAGEMENT SDN BHD - BUSINESS UNIT KEDAH

MSPO MS 2530-3-2:2022

No	Unit Pengurusan	Alamat Lokasi
1	Tanah Merah Estate	Tradewinds Corridor Sdn Bhd, KM 45. Jalan Padang Sanai 06300 Kuala Nerang, Kedah
2	Sg. Ahning Estate	Tradewinds Corridor Sdn Bhd, KM45. Jalan Padang Sanai 06300 Kuala Nerang, Kedah
3	Windsor Estate	Tradewinds Plantech Sdn. Bhd. Bt. 7 Jalan Batu Kurau, Ulu Sapetang, 34010 Taiping, Perak
4	Sg. Tekai Estate	Tradewinds Corridor Sdn Bhd, Batu. 28 Jalan Naka – Nami, 06350 Naka, Kedah
5	Kupang Estate	Lot 3246, 3945, 5580, 6219 and 8586 Mukim Kupang & Pulai, Baling Kedah

BORANG MAKLUM BALAS

Untuk Perhatian:

Cik Kamini A/P Sooriamoorthy

Ketua Seksyen Makanan, Pertanian & Perhutanan

SIRIM QAS International Sdn Bhd

No. 1, Persiaran Dato' Menteri

Section 2, 40700 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan.

No. Tel: 03-5544 6119 | E-mel: kamini@sirim.my / syazwani@sirim.my

MAKLUM BALAS MENGENAI AUDIT MSPO Di : Tradewinds Plantation Management Sdn Bhd - Business Unit Kedah

Saya merujuk kepada surat bertarikh untuk audit MSPO di kawasan seperti di atas. Saya ingin mengesahkan bahawa:

☐ Saya tidak mempunyai isu untuk dibangkitkan terhadap audit yang akan dijalankan.

☐ Saya mempunyai isu-isu berikut terhadap audit yang akan dijalankan

☐ Isu berkaitan pematuhan undang-undang Sila huraikan : _____

☐ Isu berkaitan aspek sosial Sila huraikan : _____

☐ Isu berkaitan alam sekitar Sila huraikan : _____

☐ Isu berkaitan kesihatan dan keselamatan Sila huraikan : _____

☐ Lain-lain Sila huraikan : _____

☐ Saya ingin membuat perbincangan antara pasukan audit SIRIM dengan pihak berikut untuk lebih lanjut:

Nama : _____

Jawatan : _____

No. telefon : _____

Alamat e-mel : _____

Terima kasih

Yang ikhlas,

.....
Nama :

Alamat :

No. Tel. :